

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 13 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MINISTRY OF AGRICULTURE HAS NEGLECTED VEGETABLE FARMERS' WELFARE, NATION, SIN CHEW DAILY -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	MELAKA BAKAL PERKENAL PRODUK KUPANG MANIS, NEWS, SH (SELATAN) -20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4.	CONTOHI KAEDAH PERTANIAN ORANG ASLI, LAPORAN KHAS, BH -12 MARDI BANGUN KAEDAH KURANGKAN GUNA RACUN, LAPORAN KHAS, BH -12	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6.	SUMBER 3 AIR NEGERI DI UTARA TERANCAM, EKSKLUSIF, BH -6 PARAS EMPANGAN RENDAH JEJAS PADI NEGARA, EKSKLUSIF, BH -7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7. 8. 9.	MUSANG KING, HALIA, VANILLA SUMBER BAHARU PENEROKA, DALAM NEGERI, UM -1 MUSANG KING, HALIA, VANILLA DITANAM DI FELDA, DALAM NEGERI, UM -7 TANAM HASIL YANG CEPAT DAN PASARAN BAIK – DAIM, DALAM NEGERI, UM -7	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
10.	150 AHLI PPN ADAKAN BANTAHAN, DALAM NEGERI, UM -7	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
11. 12. 13. 14. 15. 16.	PANTAU PERTANIAN CAMERON HIGHLANDS, MUKA SEPULUH, BH -10 PELANTIKAN AHLI LEMBAGA TIDAK IKUT PROSEDUR, NEGERI, HAKAKAH -N13 TAUKE IKAN PULANG DENGAN TANGAN KOSONG, DALAM NEGERI, UM -14 RUMPUT NAPIER BANTU INDUSTRI TERNAKAN, MEGA AGRO, UM -28 PENTERNAKAN BIDANG SESUAI UNTUK BELIA, MEGA AGRO, UM -29 TANAM PADI WAKTU MALAM TIDAK MASUK AKAL, NASIONAL, HAKAKAH -N8	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Ministry of Agriculture has neglected vegetable farmers' welfare		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	13 May 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	5	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	355 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,758
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,273



长林仕伟及委员李源兴一起为总财政张威扬、署理总会为副总会长黄松敬及蔡依锰；右陈苏潮一左三一率领中央理

菜總對不聞不問感失望 “農業部罔顧菜農權益”

(淡边12日讯) 马来西亚菜农总会总会长陈苏潮认为，希盟政府尤其是农业及农基工业部对于国内菜农的权益和福利仿佛视若无睹，不闻不问，令总会深感失望。他呼吁本地农友必须步步为营，当前唯有自救，才是上上之策。

他指出，首相敦马哈迪日前指我国在入口食粮上浪费了逾600亿令吉，相信这主要是农业及农基工业部在农排业务发展领域方面，未能与众菜农达成共识所致。因此，他促请内阁能够针对这项问题，尽早进行探讨，以为国家挽回更多入口外汇。

陈苏潮是今年在马来西亚菜农公会第31届全国会员代表大会上，致词时如是而言。这项大会共获得逾100名代表赴会，反应令人鼓舞。

陈苏潮也促请部分菜农，不要继续一意孤行采用不受当局所认证与鉴定的农药或肥料，此举只会得不偿失，甚至连累其他无辜菜农。

蔡依锰： 多次欲呈备忘录不果

总秘书蔡依锰在汇报会务时说，当局曾针对菜农所面对的各种不公平待遇，多次准备了详细的备忘录，以提呈给农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁，可是偏偏事



逾100名代表踴躍出席第31屆大馬菜農總會常年會員代表大會

与愿违，每次都不成功。他也劝告各地菜农，必须重视与关注政府所设定的最新社险条例，以及据实呈报所得税的指示，大家务须实事求是，因为希盟政府正

全力实施除贫铲腐的政策，因此各界千万不要有所隐瞒，否则将会面对到头来落得一场空的悲剧。较后时，大会经过辩论后，通过了12项大会议案。

Headline	Melaka bakal perkenal produk kupang manis		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	13 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	20,000
Page No	20	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,845
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,534



Melaka bakal perkenal produk kupang manis

MELAKA - Melaka bakal memperkenalkan produk baharu iaitu kupang manis sebagai usaha menambah pendapatan nelayan di negeri itu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Melaka, Johari Tim berkata, pihaknya kini menunggu kelulusan di peringkat kerajaan negeri dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum memulakan projek itu di perairan Pernu tahun ini.

"Kita berhasrat untuk menjadikan perairan Melaka sebagai hub kerang-kerangan dan untuk peringkat awal, tumpuan akan diberikan kepada penternakan kupang manis," katanya.

Johari berkata, usaha itu mendapat sokongan daripada Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan, Industri Asas Tani dan Koperasi, Norhizam Hassan Baktee yang menunjukkan minat terhadap usaha berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya telah mendapat peruntukan



JOHARI

daripada Jabatan Perikanan Malaysia untuk membawa teknologi penternakan kupang yang baharu iaitu penternakan kupang secara sistem *P-Line*.

"Pada tahun ini kita akan mulakan konsep penternakan baharu ini bagi menggantikan

konsep rak kupang.

"Sistem penternakan baharu ini mampu menghasilkan kupang yang lebih baik dan boleh dijadikan sebagai daya tarikan pelancong ke Melaka," katanya.

Johari berkata, walaupun kos pembinaan *P-Line* lebih mahal iaitu sekitar RM20,000 ia lebih tahan lama iaitu lebih 10 tahun dan bersih berbanding sistem lama yang dapat bertahan hanya selama dua tahun.

Beliau berkata, nama kupang manis dipilih berdasarkan pujian pengguna bahawa kupang yang diternak di Melaka lebih manis dan sedap berbanding kupang dari tempat lain.

- *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2019	BERITA HARIAN	LAPORAN KHAS	12

TANAH MATI DI CAMERON HIGHLANDS

Contohi kaedah pertanian Orang Asli

➔ **Berpindah kawasan boleh bantu pulih kesuburan tekstur tanah**

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my
Cameron Highlands

Pengusaha ladang pertanian perlu mencontohi kaedah pertanian yang diamalkan masyarakat Orang Asli. Pengarah Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata amalan mereka ialah sentiasa berpindah kawasan untuk bercucuk tanam. Katanya, langkah itu bagi memastikan tanah pertanian yang diusahakan sebelum ini dapat di rehatkan dalam tempoh tertentu supaya tekstur tanah itu elok semula. "Konsep Orang Asli boleh dihargai. Mereka tahu tanah tak subur, mereka pun pindah atau

pulangkan tanah itu semula.

Kaedah boleh rehatkan tekstur tanah

"Cara mereka buat itu betul. Kena bagi tanah itu rehat. Ini tidak, habis musim kita guna balik tanah itu lagi dan lagi, berterusan dalam tempoh lima hingga enam tahun. "Lama kelamaan kalau terlahu lama guna tanah itu, pembajaan berterusan akan bentuk akumulasi garam sehingga mengganggu tekstur tanah, mengganggu pengudaraan sekali gus menjadi tanah kurang subur atau kita panggil *dead soil* (tanah mati)," katanya kepada BH. Mengulas penggunaan racun dalam sektor pertanian di pusat perancangan tanah tinggi itu, Mohamad Zabawi berkata, racun yang digunakan tinggi disebabkan kawasan pertanian berkumpul setempat. Katanya, alasan segelintir petani



Mohamad Zabawi (tengah) bersama Rozetta mendengar penerangan Pegawai Penyelidik MARDI, Saiful Zaimi Jamil ketika lawatan ke tapak penyelidikan tanaman Kubis di Taman Agroteknologi MARDI Cameron Highlands, semalam.



Konsep Orang Asli boleh dihargai. Mereka tahu tanah tak subur, mereka pun pindah atau pulangkan tanah itu semula"

Mohamad Zabawi
Abdul Ghani,
Pengarah Pusat Penyelidikan
Agrobiodiversiti dan
Persekitaran MARDI

yang menggunakan racun pada tahap tinggi adalah mahu nampakkan hasil tanaman mereka cantik dan 'sihat'. "Satu nak nampak cantik. Hasil tidak musnah. Kalau sembur dapat hasil besar. Tak sembur tak besar. Kalau asyik fikir nak jual, memang kita pun akan fikir nak dapatkan hasil. "Secara peribadi, pengguna racun haram tidak dapat dielakkan.

Tetap akan ada dan tak dapat elak walaupun ada peraturan.

"Di Cameron Highlands memang ada. Mungkin sekarang sudah pun berkurangan. Lagipun ada racun baharu yang sama efektif. Petani pun akan tinggal racun lama," katanya.



Laporan
diilarkkan
BH Ahad, semalam.

MARDI bangun kaedah kurangkan guna racun

Cameron Highlands: Penghasilan kubis bulat secara besar-besaran sehingga mencecah 68,000 tan setahun di kawasan tanah tinggi ini sekali gus menyebabkan penggunaan racun makhluk perosak yang tinggi. Sayur itu dikategorikan sebagai jenis krustifer atau berdaun yang memerlukan penggunaan racun makhluk perosak yang banyak. Kubis bulat ditanam di kawasan seluas lebih 2,700 hektar di Cameron Highlands. Timbalan Pengarah Program Kawalan Biologi, Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran MARDI, Dr Rozetta Laboh, berkata pihaknya kini giat melakukan penyelidikan bagi penghasilan ejen kawalan perosak secara biologi di kawasan ber-

kanaan sekali gus mengurangkan penggunaan racun makhluk perosak.

"Daripada rekod kajian terdahulu, penggunaan racun makhluk perosak dapat dikurangkan sehingga melebihi 50 peratus mengikut amalan yang betul.

Bunuh makhluk perosak

"Saya harap pengusaha tanaman sayuran krustifer terutama kubis membuka mata dan minda terhadap perubahan yang berlaku di negara pertanian yang maju seperti Sepanyol. "Sepanyol dapat mengurangkan 100 peratus penggunaan racun perosak bagi pengeluaran sayuran di bawah struktur pelindung hujan dengan mengamalkan penggunaan ejen kawalan

biologi," katanya. Ejen kawalan perosak secara biologi adalah kaedah lestari yang mengutamakan penggunaan musuh semula jadi bertujuan mengurangkan populasi perosak pada tanaman. Katanya, serangga perosak yang menjadi musuh utama petani kubis di Cameron Highlands adalah rama-rama intan atau nama saintifiknya *Plutella Xylostella*. Serangga perosak itu dikenal pasti rintang terhadap pelbagai jenis racun perosak yang akhirnya apabila digunakan secara berleluasa boleh memberi impak negatif terhadap hasil pengeluaran pertanian dan alam sekitar. "Bagi mengatasi masalah ini, MARDI membangunkan kaedah kawalan biologi yang mengguna-

kan parasitoid iaitu *Diadegma Semiciusum* dan *Cotesia Vestalis* daripada jenis parasitoid yang berbentuk seakan-akan nyamuk.

Ejen kawalan biologi

"Parasitoid bertindak sebagai ejen kawalan biologi dengan melengkapkan kitar hidupnya dalam perumahannya (rama-rama intan) dengan menyuntik telur ke dalam larva rama-rama intan. Secara tidak langsung ia akan membunuh perosak secara semula jadi. "Hasil kajian mendapati *Diadegma semiciusum* dan *Cotesia vestalis* mampu menyuntik telur ke larva rama-rama intan lebih daripada 70 kali sepanjang kitaran hidupnya," katanya kepada BH. Beliau berkata, kebiasaannya, selepas disuntik oleh parasitoid

betina, larva parasitoid akan meneruskan kemahirannya di dalam badan perumah iaitu perosak *Plutella Xylostella*.

Bagi spesies *Diadegma Semiciusum*, larva parasitoid akan berkembang sebagai kepompong yang sama dengan *Plutella Xylostella*.

Bagi spesies *Cotesia Vestalis*, katanya, larva parasitoid akan keluar daripada badan larva *Plutella Xylostella* lalu akan mati, lantas membentuk kepompong sendiri di luar larva *Plutella Xylostella*. Rozetta berkata, perkembangan kitaran hidup parasitoid bermula dari telur sehingga pupa dipengaruhi perubahan suhu dan secara puratanya dalam tempoh 14 hingga 25 hari pada suhu antara 20 hingga 25 darjah Celsius.



Pokok tuang yang menjadi kegemaran lebah membuat sarang, antara spesies yang terdapat di Hutan Simpan di Ulu Muda.



Tasik di kawasan Hutan Simpan Ulu Muda.

Sumber air 3 negeri di utara terancam

➊ Hutan Simpan Ulu Muda perlu diwarta Taman Negeri

Oleh Suzalina Halid
suzalina@nstp.com.my

* Kuala Lumpur

Sumber air bagi hampir empat juta penduduk di tiga negeri - Kedah, Pulau Pinang dan Perlis - dikuatiri terancam jika kawasan Hutan Simpan Ulu Muda (HSUM) di Kedah tidak diwartakan sebagai Taman Negeri.

Kegagalan berbuat demikian juga boleh mengancam pengeluaran makanan dari kawasan Jelapang Padi Negara yang menerima air dari hutan simpan berkenaan bagi tujuan pengairan sawah. Sawah di Kedah dan selatan Perlis menyumbang 45 hingga 50 peratus pengeluaran beras negara.

Sumber air di HSUM boleh terancam melalui aktiviti pembalakan dan penerokaan, sama ada secara sah atau haram serta per-

bahan iklim. Lokasi itu hanya berstatus hutan simpan yang membenarkan aktiviti pembalakan di kawasan tertentu bagi tempoh setiap 35 tahun.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata kegagalan berbuat demikian juga boleh berisiko menjejaskan industri pelancongan dan perindustrian juga khususnya di Kedah serta Pulau Pinang.

Ini kerana, bekalan air dari Ulu Muda juga kritikal untuk menampung keperluan industri berat, kilang elektronik dan sektor pelancongan di Kedah dan Pulau Pinang, sekali gus turut berperanan menarik pelaburan dan menghasilkan puluhan ribu peluang pekerjaan.

Bekal 96 peratus air

Sehingga kini, Ahmad berkata, HSUM membekalkan kira-kira 96 peratus air mentah untuk Kedah, 70 peratus untuk Perlis dan lebih 80 peratus kepada Pulau Pinang bagi tujuan kegunaan domestik, pertanian dan perindustrian.

Bagi industri beras pula, Ahmad berkata, sawah boleh terancam kerana sumber air dari hutan itu kini digunakan bagi pengairan 96,558 hektar sawah di kawasan Lembaga

Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Jika sumber air dari HSUM terganggu, bagaimana kita mahu memastikan pengairan sawah tidak terganggu pada masa depan, sedangkan kita tahu peranan Ulu Muda menyumbang kepada jaminan keselamatan makanan melalui industri padi.

"Kedah juga ada industri pelancongan hebat di Langkawi yang boleh terkesan jika sumber air di HSUM tidak dilindungi melalui pewartaan terbabit. Begitu juga sektor perindustrian di Pulau Pinang. Jika diwartakan sebagai Taman Negeri, automatiknya kawasan tadahan air di situ juga akan terjaga," katanya.

Beliau berkata, MNS mencadangkan kerajaan mewartakan keseluruhan kawasan HSUM yang menempatkan empat empangan penting, iaitu Empangan Pedu, Muda, Ahning dan Beris sebagai Taman Negeri.

"Sumber air di HSUM boleh terancam melalui aktiviti pembalakan, sama ada sah atau haram, perubahan iklim dan penerokaan tanpa kebenaran. Sehingga kini, Ulu Muda hanya diwartakan sebagai Hutan Simpan dan kerja pembalakan dibenarkan di kawasan tertentu dikehendaki untuk tujuan itu

setiap 35 tahun," katanya.

Tahun lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir membuat keputusan menghentikan aktiviti pembalakan di kawasan itu demi memulihara khazanah alam di hutan simpan berkenaan walaupun kerajaan kehilangan hasil bernilai jutaan ringgit.

Hentikan pembalakan

Ahmad berkata, langkah menghentikan aktiviti pembalakan sahaja tidak cukup kerana hanya bersifat sementara, malah risiko kerja pembalakan kembali aktif boleh berlaku jika ada pertukaran pemimpin atau kerajaan di Kedah.

"Pembalakan memang jadi pilihan menambah pendapatan negeri kerana ia bersifat quick money (hasil cepat). Apa pun, kita sambut baik usaha Mukhriz, namun sejauh mana boleh dipastikan keputusan itu akan kekal untuk jangka panjang?

"Jika berlaku perubahan kepemimpinan, keputusan (batal pembalakan) boleh dipinda. Bagaimanapun, jika HSUM diwartakan sebagai Taman Negeri, ia bersifat kekal dan tiada siapa boleh sentuh kawasan itu meskipun berlaku pertukaran kepemimpinan atau kerajaan negeri," katanya.

Kementerian Air, Tanah dan Sum-

ber Asli pernah melaporkan, Empangan Muda merekodkan storan kapasiti hanya dalam lingkungan 50 peratus.

Tiga lembangan pula dijangka perlukan tambahan bekalan air dari empangan sedia ada, iaitu Lembangan Sungai Muda (Empangan Berle), Lembangan Sungai Kedah (Empangan Muda, Pedu dan Ahning) bagi aktiviti pertanian.

Ahmad berkata, kerajaan perlu menjalankan kajian hidrologi di HSUM untuk mengenal pasti faktor 'kehilangan' air, selain berapa lama sumber itu mampu bertahan jika berlaku kejadian tidak dijangka seperti kemarau berterusan.

"Setiap tahun kita akan dengar masalah atau catuan air di Kedah, sedangkan negeri itu ada empangan yang besar. Selain faktor cuaca yang menyumbang ke arah itu, saya rasa amat penting bagi pihak bertanggungjawab di Kedah untuk menguruskannya dengan baik.

"Antara caranya, perlu ada kajian hidrologi yang boleh mengenal pasti berapa banyak air keluar (untuk kegunaan domestik, pertanian), berapa lama sumber mampu bertahan dan berapa banyak air terbazir setiap kali terpaksa dilepaskan ke laut ketika proses pengairan sawah dilakukan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2019	BERITA HARIAN	EKSKLUSIF	7



Hidupan liar dan sumber mineral yang perlu dipertahankan.



Fouzi Ali

Paras empangan rendah jejas padi negara

Kuala Lumpur: Lebih 860 juta meter padu air dilepaskan dari tiga empangan di Hutan Simpan Ulu Muda (HSUM) di Kedah setiap tahun bagi kegunaan sawah seluas 100,685 hektar di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Pengurus Besar MADA, Datuk Fouzi Ali, berkata agensi itu menguruskan tiga empangan, iaitu Pedu, Ahning dan Muda dalam kawasan HSUM yang menyumbang sebanyak 32 peratus sumber pengairan untuk aktiviti pertanian di Kedah dan Perlis.

Katanya, tiga empangan itu adalah sumber air terpenting untuk keperluan domestik dan industri di selatan Perlis dan utara Kedah.

"Dalam tempoh lima tahun sejak 2014 hingga tahun lalu, pelepasan dari empangan MADA untuk kegunaan pertanian bagi setahun atau dua musim penanaman adalah pada purata 861.86 juta meter padu," katanya kepada BH, di sini.

Mampu bertahan 3 bulan
Beliau berkata, berdasarkan kedudukan takungan terkini tiga empangan itu dengan andaian tiada hujan sepanjang tahun, semuanya hanya mampu bertahan selama tiga bulan.

Sehingga Mei, katanya, jumlah takungan Empangan Pedu adalah sebanyak 785.59 juta meter padu atau 72.79 peratus, Empangan Muda (66.30 juta meter padu, 43 peratus) dan Empangan Ahning (182.43 juta meter padu, 66.34 peratus).

Jumlah air terendah dalam empangan yang pernah direkodkan adalah 11 peratus di Empangan Pedu pada April 1982; Empangan Muda (2.70 peratus, Mac 1978) dan Empangan Ahning (26 peratus, Mac 2005).

"Jumlah aliran masuk dalam empangan ketika ini amat sedikit kerana hujan kurang di kawasan tadahan. MADA tidak akan lepas air ke laut semasa pengairan untuk musim tanam padi kecuali hujan lebat di kawasan sawah dan di sungai hilir empangan yang tidak diperlukan untuk pengairan," katanya.



Jika sumber air dari HSUM tergugat, bagaimana kita mahu memastikan pengairan sawah tidak terganggu pada masa depan sedangkan kita tahu peranan Ulu Muda menyumbang kepada jaminan keselamatan makanan melalui industri padi?"

Ahmad Ismail,
Presiden Persatuan
Pencinta Alam Malaysia

HUTAN SIMPAN ULU MUDA

- Meliputi 163,103 hektar hutan hujan menempatkan 4 empangan penting:
 - Pedu
 - Muda
 - Ahning
 - Beris
- Kawasan tadahan air untuk keperluan Kedah, Pulau Pinang, Perlis.
- Sumber air utama sawah, sektor perindustrian, pelancongan
- **100,685 HEKTAR**
Sawah kawasan MADA terima air dari Ulu Muda
- **96 PERATUS**
Keperluan air mentah Kedah dibekal HSUM
- **70 PERATUS**
Keperluan air mentah Perlis dari HSUM
- **80 PERATUS**
Keperluan air mentah Pulau Pinang dibekal HSUM



GRAFIK BH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1



Musang King, halia, vanila sumber baharu peneroka

- Feida Lurah Bilut, Pahang tanam pokok durian Musang King, halia Bentong, vanila sebagai sumber pendapatan kedua peneroka.
- Dipilih kerana potensi produk, sesuai dengan tanah kawasan tersebut.
- Setiap kawasan, Feida di seluruh negara akan ditanam dengan tanaman baharu yang bersesuaian. »7

13/5/2019

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

7

Tidak setuju Pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019

150 ahli PPN adakan bantahan

■ KOTA BHARU 12 MEI

KIRA-KIRA 150 ahli Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kelantan hari ini membuat bantahan terhadap pewartaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Ahli Jemaah Pengarah PPN, Datuk Aimi Yusof berkata, tindakan pewartaan terbabit tidak pernah dibincangkan bersama pihak-pihak yang dilihat seolah-olah telah mencabuli hak mereka sebagai ahli dalam pertubuhan itu.

"Dalam pindaan itu dinyatakan bahawa lantikan oleh pihak menteri terutama di PPN dan di Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) melebihi jumlah yang diantuk atau dipilih dalam Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang.

"Ia diwartakan tanpa pengetahuan pihak kami dan perlu mengikut pindaan berkenaan yang seolah-olah menafikan hak kami sebagai peladang di



KIRA-KIRA 150 ahli PPN Kelantan membuat bantahan terhadap pewartaan Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di ibu pejabat KADA, Kota Bharu, Kelantan, semalam. - BERNAMA

semasa peringkat untuk memilih kepimpinan sendiri," katanya ketika ditemui pemberita di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), di sini hari ini.

Terdahulu, ahli PPN itu menghadiri taklimat oleh pihak pendaftar Pertubuhan Peladang dari Kuala Lumpur dan dalam

masa sama membuat bantahan dan penolakan terhadap pindaan dan pewartaan berkenaan.

Akhir sebelum ini melaporkan, menerusi Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 22 April 2019, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 menetapkan komposisi

AJP PPK mestilah terdiri daripada tujuh ahli yang dalam mesyuarat agung tahunan dan lima ahli lagi dilantik oleh menteri, seorang daripadanya hendaklah Peladang Muda dan seorang lagi Peladang Nita.

Warta berkenaan telah dibuat pada 19 April 2019 oleh Pengeru-

si LPP, Datuk Mazlan Aliman dan diluluskan pada tarikh yang sama oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub serta dikuatkuasakan pada 1 Mei lepas.

Aimi berkata, bantahan itu turut dilakukan seluruh negara termasuk Borneo, Labuan, Sabah dan Sarawak kerana ia dipersetujui tanpa berbincang terlebih dahulu.

Katanya, pindaan yang terdahulu sangat relevan kepada pihaknya dan tidak mahu pertubuhan itu 'dikacau'.

"Kami bertegas supaya pihak-kementerian menunda, menanggung dan seterusnya membatalkan pindaan baharu ini demi kepentingan pertubuhan peladang dan ahli di seluruh negara.

"Di Kelantan, terdapat 34 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu 13 di bawah KADA dan 21 lagi di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang dengan jumlah keseluruhan ahli PPN di negeri ini seramai 90,000," katanya. - BERNAMA

Tanam hasil yang cepat dan pasaran baik - Daim

BENTONG 12 Mei - Tanaman yang mampu memberikan hasil cepat dan mempunyai pasaran baik menjadi pilihan untuk ditanam di tanah rancangan Felda seluruh negara bagi membantu peneroka meningkatkan pendapatan.

Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan, Tun Daim Zainuddin berkata, sehubungan itu cadangan mengenal sesuatu jenis tanaman hendaklah dilakukan kajian menyeluruh sebelum dilaksanakan di tanah-tanah rancangan Felda.

"Lebih baik buat sesuatu benda (penanaman baharu) buat kajian terlebih dahulu dan jumpa agensi dan kementerian berkaitan sebab kita tanam benda hendak hasil yang cepat dan mempunyai pasaran yang baik.

"Macam durian Musang King dilakukan kajian di Jepun, mereka katakan boleh berbuah dua tahun dan menghasilkan aiskrim rasa durian tetapi tidak berbau durian," katanya sempena lawatan kerja beliau ke Felda Lurah Bilut, di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman.

Pada majlis itu, tiga tanaman baharu iaitu durian Musang King, vanila dan halia Bentong



DAIM ZAINUDDIN (dua dari kiri) diriringi Mazlan Aliman (kiri) menanam pokok vanila di Felda Lurah Bilut, Bentong, Pahang, semalam. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

diperkenalkan untuk ditanam di Felda Lurah Bilut.

Menurut Daim, kajian yang dilakukan hendaklah secara menyeluruh termasuk sektor pasaran dan juga teknologi termasuklah dalam mempercepatkan hasil dan sebagainya.

Katanya, apa yang penting adalah penanaman sesuatu produk pertanian itu termasuklah durian Musang King, vanila dan juga halia Bentong, seperti

di Felda Lurah Bilut mampu memberikan hasil yang baik.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak termasuk warga Felda dapat menjalinkan kerjasama berterusan dalam menayakan usaha membantu golongan peneroka itu.

Beliau juga berkata, kerajaan mengambil tindakan berterusan bagi memulihkan Felda dan membantu golongan peneroka agar dapat hidup dengan lebih baik.

Musang King, halia, vanila ditanam di Felda

BENTONG 12 Mei - Selepas berbagai cadangan penanaman hasil pertanian, akhirnya tiga produk pertanian iaitu Musang King, halia Bentong dan vanila akan ditanam di Felda Lurah Bilut sebagai sumber pendapatan kedua peneroka di tanah rancangan pertama negara itu.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman berkata, ketiga-tiga produk pertanian itu dipilih pihak Felda berdasarkan kepada kesesuaian di felda berkenaan dan potensi yang ada pada produk itu.

"Menerusi usaha ini setiap peneroka di Felda Lurah Bilut iaitu seramai 616 orang akan menerima dua benih pokok durian Musang King secara percuma untuk ditanam di kawasan rumah masing-masing.

"Bagi penanaman vanila pula akan diusahakan secara berkelompok oleh Peladangnya Felda Lurah Bilut dan penanaman halia Bentong dilakukan di kawasan seluas 0.4 hektar oleh Peladang Muda Felda Lurah Bilut," katanya ketika lawatan kerja Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan,

Tun Daim Zainuddin di Felda Lurah Bilut, di sini hari ini.

Menurutnya, pemilihan tiga tanaman berkenaan dilihat bersesuaian dengan potensi tanah rancangan berkenaan dan mampu menjana pendapatan tambahan kepada masyarakat Felda.

Katanya, penanaman durian Musang King dilihat bukan sahaja bersesuaian di daerah ini tetapi juga mempunyai pasaran yang luas serta ia menjadi sumber kekayaan baharu.

Jelasnya, penanaman tiga produk pertanian itu termasuk vanila dan halia Bentong bukan sahaja mempunyai nilai tinggi tetapi juga mampu menjana pendapatan dalam tempoh yang cepat.

Dalam pada itu, beliau berkata, seperti yang dihasratkan Daim, setiap kawasan Felda di seluruh negara akan ditanam dengan tanaman baharu yang bersesuaian.

Ujarnya, usaha penanaman berkenaan akan dilakukan secara berperingkat selepas kajian mengenai potensi dan kesesuaian dilakukan bagi memastikan ia berjaya membantu peneroka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2019	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

Minda Pengarang

Pantau pertanian Cameron Highlands

Sering sekali kita dengar isu berkaitan Cameron Highlands seperti penerokaan haram, pencerobohan tanah, monopoli pekerja asing serta pelbagai masalah alam sekitar. Kini isu tanah di sekitar kawasan pelancongan itu berisiko menjadi 'tanah mati' pula timbul.

Masalah membelenggu kawasan pelancongan tanah tinggi itu perlu diberi perhatian serius, khususnya demi memastikan kelangsungan sektor pertanian. Dalam hal ini, kita percaya kawalan ketat harus diambil supaya pengeluaran sayur-sayuran yang menjadi industri penting Cameron Highlands tidak lenyap.

Bagi kerajaan Pahang selaku tuan punya tanah, perlu ada pemantauan ke atas pembukaan tanah yang berleluasa di situ, supaya sektor ekopelancongan tidak terjejas. Sebarang tindakan atau amalan berisiko menjejaskan sektor pertanian tidak boleh dikompromi, mengambil kira Cameron Highlands sebagai pembekal utama sayur-sayuran tempatan, selain eksport.

Mungkin kerajaan negeri boleh duduk semeja dengan kementerian bertanggungjawab cari jalan, termasuk merangka prosedur arahan standard (SOP) bersesuaian bagi penanaman sayur di Cameron Highlands lebih mesra alam.

* Kita khawatir jika kualiti tanah tidak dijaga, soal kualiti serta produktiviti mungkin akan terjejas.

Pelantikan ahli lembaga **tidak** ikut prosedur

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KOTA BHARU: Rakyat dianggap sudah muak dengan tindak-tanduk kementerian tertentu kerana membuat pelantikan ahli lembaga pengarah agensi di bawahnya tanpa mengikut prosedur ditetapkan.

Sedangkan kata Timbalan Presiden PAS Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man setiap agensi yang ditubuhkan mempunyai akta masing-masing.

Namun kata beliau perkara itu tidak dipatuhi kementerian tertentu sehingga mengundang pelbagai demonstrasi serta tunjuk perasaan rakyat seperti yang berlaku di Kedah, Pahang dan Perak.

Manakala dalam perkembangan lain Tuan Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Kubang Kerian berharap ahli dan penyokong PAS lebih bertanggungjawab terhadap sebarang tulisan di media sosial bagi menjaga imej parti.

Katanya kalau hendak menulis apa pun mesti ada sikap kebertanggungjawaban.

"Tulisan hendaklah berdasar sumber yang betul, tidak berupa fitnah atau maklumat tidak benar.

"Tetapi asasnya kita harus bertanggungjawab dengan apa yang kita tulis, parti tidak boleh melindungi perkara yang tidak benar.

"Kita harap semua ahli mesti bertanggungjawab menyampaikan tulisan walau-



Ustaz Tuan Ibrahim Tuan Man mentahnik bayi selepas tazkirah Ramadan.

pun marah kita membuak-buak," katanya di sini.

Baru-baru ini media melaporkan polis menahan seorang lelaki yang juga anggota Jabatan Amal PAS bagi membantu siasatan kes atas

dakwaan menyebarkan berita palsu di media sosial.

Hantaran di Facebooknya dikatakan memfitnah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahudin Ayub.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	14

Tauke ikan pulang tangan kosong

MARANG 12 Mei - Ramai berangapan orang tengah atau tauke ikan yang menjadi perantara kepada nelayan dan peraih mampu memberi keuntungan agak lumayan.

Bagaimanapun, bagi Mohd. Suffian Yussof, 56, dia menyifatkan pekerjaan yang diceburi sejak 30 tahun lalu itu sama seperti kebanyakan perniagaan lain yang sejak kebelakangan ini semakin terjejas dan merosot.

Dia sendiri seakan-akan tidak percaya apabila ada ketika urusan pendaratan ikan oleh nelayan di bawah seliannya hanya sekitar 30 hingga 60 kilogram sehari berbanding pada awal perniagaannya dahulu antara 500 dan 800 kilogram sehari melibatkan pelbagai jenis ikan seperti tenggiri, jemuduk, bawang, tongkol, kembung, selar, kerisi dan sotong.

"Bayangkanlah, ada bot nelayan yang pulang dari laut hanya membawa hasil tangkapan satu kilogram, ada yang pulang tangan kosong dan ada pula ambil keputusan tidak keluar ke laut kerana kecewa dengan hasil yang tidak seberapa.

"Perniagaan saya banyak bergantung kepada nelayan, kurang hasil tangkapan maka kurangnya pendapatan saya. Kebanyakan ikan yang ditangkap nelayan akan ditimbang dan direkod-



MOHD. SUFFIAN YUSSOF menimbang ikan kembung yang didaratkan oleh nelayan di Pantal Hujung Kuala, Seberang Marang, Terengganu, baru-baru ini.

kan terlebih dahulu sebelum dijual kepada peraih yang datang mengambilnya," katanya.

Menurut Mohd. Suffian, sebelum menceburi perniagaan tersebut tidak lama dahulu, dia juga seperti rakan lain turut beranggapan menjadi 'orang tengah' akan dapat membantu mengubah nasibnya daripada seorang nelayan miskin kepada sebuah kehidupan lebih selesa.

Ini kerana, katanya, ketika tahun 1980-an dahulu, kebanyakan mereka yang menjadi 'orang tengah' atau 'daganan ikan' (sebutan dalam loghat tempatan) boleh dikatakan hidup lebih mewah, senang

dan bergaya dengan memiliki beberapa buah kenderaan dan juga bot sendiri.

"Ketika itu mereka yang menjadi 'daganan ikan' tidak ramai seperti sekarang manakala jumlah pendaratan ikan oleh nelayan di kawasan ini (Hujung Kuala) pula sangat banyak sehingga boleh dibuat keropok dan juga ikan kering selain dihantar ke negeri lain.

"Melihat kepada suasana itulah menyebabkan saya sentiasa memasang impian dan angan-angan menjadi 'daganan ikan' sebelum ia benar-benar jadi kenyataan pada tahun 1990-an dahulu," ujarnya.

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



KERAJAAN meletakkan hala tuju industri ruminan yang ditetapkan dalam Dasar

Agromakanan Negara adalah mencapai kadar sara diri (SSL) sebanyak 30 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang supaya bekalan makanan negara terutama sumber protein kepada rakyat terjamin.

Dalam masa sama penubuhan Majlis Perunding Pertanian Negara yang melibatkan segenap lapisan komuniti yang terlibat dalam bidang pertanian seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), akademik dan usahawan merupakan satu langkah proaktif yang wajar dipuji.

Antara cadangan kepada kerajaan dalam memajukan industri ruminan secara lebih efektif adalah membangunkan golongan penternak yang produktif iaitu melebihi kepada pemberian insentif berasaskan pengeluaran berbanding insentif input supaya memberi motivasi kepada penternak dan seterusnya meningkatkan penghasilan daging dan tenusu.

Antara masalah utama industri ternakan ruminan kita adalah kenaikan kos makanan yang agak tinggi mendorong pengusaha mencari alternatif lain yang lebih murah dan bersumberkan tempatan.

Import makanan berasaskan ternakan ketika ini agak tinggi dengan jagung sahaja mencecah RM3 bilion setahun.

Kemerosotan pengeluaran sumber makanan haiwan ternak dan harga yang semakin meningkat disebabkan faktor cuaca (masalah pemanasan global), persaingan kepenggunaan tanah (industri pembangunan hartanah),



Rumput napier bantu industri ternakan



ISMAIL BAKAR (dua dari kiri) dan Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam (kiri) diberi penerangan mengenai projek penanaman rumput napier di Pondok Tanjung, Perak, baru-baru ini.

pengurangan tenaga buruh. Ia merupakan masalah kronik.

Dalam masa sama, permintaan kepada produk makanan berasaskan haiwan ternak semakin meningkat disebabkan peningkatan populasi dan kuasa beli

manusia.

Masalah industri ternakan ruminan turut menyumbang kepada krisis makanan global.

Kenaikan harga makanan ternakan yang tinggi sekali gus menaikkan harga ternakan ruminan seperti lembu,

kambing dan biri-biri di pasaran untuk keperluan rakyat.

Pemalasan industri ternakan ruminan di Malaysia adalah berkait rapat dengan isu pemakanan ternakan dari aspek kualiti, kuantiti dan kos.

Isu persaingan kepenggunaan tanah dengan industri komoditi getah dan kelapa sawit serta pembangunan hartanah menjadikan masalah tersebut semakin kritikal.

Kebanyakan penternak terlalu bergantung kepada dedak ternakan yang semakin tinggi harganya serta kekurangan kawasan tanaman pastura atau foder rumput sebagai sumber fiber.

Melihat kepada senario tersebut, syarikat penternakan tempatan, Major

Transglobal (MTG) mengambil inisiatif mengusahakan tanaman rumput napier bagi menyokong industri ternakan ruminan yang berdepan masalah kos makanan tinggi.

Pengarah Eksekutif

MTG, Nordin Mat berkata, pihaknya mengusahakan kawasan seluas 120 ekar (48 hektar) daripada 300 ekar kawasan tersebut dengan kos hampir RM1.2 juta sejak setahun yang lalu.

Pengeluaran rumput serta silaj sekarang dalam kuantiti 300 tan sebulan di Ladang Pengganda Kambing di Pondok Tanjung, Perak.

"Syarikat kini menyasarkan untuk menambah kawasan penanaman seluas 80 hektar (200 ekar) lagi dan bagi



NORDIN MAT



PEKERJA membungkus rumput yang sudah dirack.

pengeluaran rumput sebanyak 1,500 tan sebulan.

"Jumlah ini dijangka dapat menampung makanan ternakan iaitu bagi 1,666 ekor lembu atau 16,666 ekor kambing setiap hari."

"Selain pengeluaran silaj, kami juga berhasrat memproses rumput tersebut kepada bentuk yang lebih tinggi bahan keringnya dengan penggunaan ketuhar yang besar bagi skala pengeluaran 1,000 tan sebulan," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, **Datuk Mohd. Salehuddin Hassan** yang melawat ke Pondok Tanjung baru-baru ini sempat meninjau kerja pembuatan silaj daripada rumput napier.

Projek tersebut kini mampu mengeluarkan sebanyak 300 tan metrik sebulan bagi kawasan tanaman seluas 40 hektar (100 ekar).

Lawatan tersebut turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara, **Datuk Seri Ismail Bakar** dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), **Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam**.

Mohd. Salehuddin memberi galakan supaya kawasan tanaman ditambah kepada 200 ekar lagi dengan sasaran keluaran 1,000 tan metrik sebulan.

Rumput napier yang juga dikenali sebagai rumput gajah sangat sesuai untuk diberi kepada ternakan secara segar atau dijadikan silaj iaitu rumput yang diperam bersama gula merah dan *effective organism* (EM) selama kira-kira sebulan.

Rumput berkenaan mudah ditanam iaitu menggunakan batas, dipotong kira-kira 0.5 meter. Rumput berkenaan mengambil masa kira-kira tiga bulan untuk membesar dan matang serta boleh dituai setiap bulan kerana benih baru tumbuh pada perdu tunggulnya dan membesar dengan cepat.

Bagi menghasilkan silaj, rumput perlu diracik menggunakan mesin khas sebelum dimasukkan ke dalam tong dan dicampur dengan dua bahan berkenaan sebelum diperam.

Penternakan bidang sesuai untuk belia

GOLONGAN belia perlu merebut peluang dalam sektor pertanian dan penternakan untuk menjadi usahawan pertanian berjaya dalam usaha membasmi kemiskinan dan peluang untuk mendapat pekerjaan.

Ketika ini jumlah belia di negara ini mencapai 14 juta orang daripada 32.4 juta penduduk Malaysia sekali gus menunjukkan belia mewakili jumlah yang besar dalam populasi rakyat Malaysia.

Dengan jumlah sebesar itu, golongan belia sepatutnya memainkan peranan penting untuk mencorak harapan dan masa depan yang lebih cerah.

Ia bukan sahaja melibatkan peluang pekerjaan. Golongan muda perlu menahut cabaran untuk berjaya dalam bidang keusahawanan terutama pertanian dan penternakan.

Untuk tujuan itu, mereka boleh menyertai Program Agropreneur Muda yang disediakan oleh agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Presiden Persatuan Alumni Institut Veterinar merangkap Ahli Jawatankuasa Biro Pertanian dan Industri Asas Tani, **Majlis Belia Malaysia (MBM)**, **Jalaludin Musa** berkata, peluang tersebut perlu direbut oleh golongan muda kerana ia mampu memberi pendapatan lumayan kepada mereka.

"Ini platform terbaik kepada golongan muda untuk mencabar potensi diri menerusi Program Agropreneur Muda."

"Peluang sebegini tidak harus dilepaskan kerana mereka masih kuat dan berpeluang untuk berkembang," ujarnya.

Beliau berkata, dengan penglibatan lebih ramai belia dalam bidang pertanian dan penternakan dapat mengurangkan kebergantungan terhadap import bahan makanan pada masa akan datang.

Katanya lagi, jika keperluan domestik rakyat Malaysia adalah mencukupi, maka



JALALUDIN MUSA mahu golongan belia berjaya sebagai usahawan penternakan.

tidak perlu mengimport bahan makanan tersebut.

Dalam masa sama, bidang pertanian merupakan tanggungjawab manusia baik dari segi sumber makanan, kewangan dan ekonomi. Bidang pertanian juga membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Justeru, golongan belia perlu merebut peluang dalam sektor pertanian dan penternakan untuk menjadi usahawan berjaya atau sekurang-kurangnya memilih bidang tersebut sebagai kerjaya.

Peranan belia dalam pembangunan negara harus disama-ratakan. Dalam masa sama, golongan tersebut dapat menunjukkan bakat serta pandangan mereka bagi membantu pembangunan negara terutama dalam industri pertanian dan penternakan.

Menurut **Jalaludin**, adalah amat merugikan jika

golongan belia dipinggirkan dalam menahut cabaran dan tanggungjawab untuk memajukan industri pertanian dan penternakan di negara ini.

"Golongan petani di negara-negara maju dipandang tinggi kerana mereka dikatakan dalam golongan kaya raya."

"Situasi ini mungkin boleh berlaku di negara kita kerana mempunyai tanah yang subur, bebas daripada bencana alam atau keadaan huru-hara yang boleh memusnahkan sebarang kegiatan ekonomi," ujarnya.

Kata beliau, jika kelebihan ini tidak dimanfaatkan, bermakna kita telah meniadakan anugerah sumber perniagaan yang ada.

Oleh itu, penglibatan golongan belia dalam industri pertanian dan penternakan amat penting untuk mencorak pembangunan masa depan negara.

Usahawan pertanian boleh mengaplikasikan teknologi, mekanisasi dan penggunaan jentera moden dalam pengurusan ladang

INFO

- Program Agropreneur Muda dikhususkan untuk golongan belia yang berusia diantara 18 hingga 40 tahun
- Program bertujuan membarui dan menggalakan pergibatan golongan belia dalam bidang keusahawanan berasaskan aktiviti pertanian merangkumi semua aktiviti dalam rangkaian nilai industri pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan
- Golongan belia yang beminat untuk mengetahui berkaitan Program Agropreneur Muda ini sila hubungi Unit Agropreneur Muda dan Kerjasama Strategik MOA atau layari www.moa.gov.my

berskala ekonomik sekali gus menghasilkan pengeluaran yang besar dan tinggi nilainya.

Dengan adanya rangkaian jalan raya dan kemudahan perhubungan yang semakin baik, infrastruktur moden dan jaringan telekomunikasi baik, ia menyokong sektor tersebut supaya bergerak ke hadapan.

Belia yang mempunyai minat hanya perlu dibimbing dan menggilap bakat serta potensi mereka.

Hari ini banyak agensi Kementerian yang menawarkan pelbagai jenis kursus dan bengkel berkaitan pertanian dan penternakan untuk disertail.

Dalam masa sama, mereka juga ditawarkan dengan pelbagai peruntukan dan dana yang boleh dimohon berdasarkan bidang yang mereka ingin ceburi.

Beliau turut berkongsi aktiviti persatuan tersebut yang dianjurkan baru-baru ini dan mendapat sambutan menggalakkan.

Ia adalah Kursus Asas Perikanan Beradas (AI) yang diadakan di Pusat Pertanian dan Industri Asas Tani (PIAT) Majlis Belia Malaysia (MBM), Simpang Renggam, Johor yang berlangsung selama sehari.

Kursus tersebut katanya, melibatkan penyertaan seramai 50 belia yang mengusahakan projek penternakan dari seluruh negara.

Kursus tersebut anjuran bersama MBM dan Unit Agropreneur Muda serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).



SEBAGHAGIAN golongan belia yang menyertai Kursus Asas Perikanan Beradas di Simpang Renggam, Johor baru-baru ini.

Tanam padi waktu malam tidak masuk akal

Oleh AZIZ MUDA

DALAM kerajaan Pakatan Harapan (PH) memang banyak menteri yang tidak cerdik. Kini timbul pula tanda tanya lain. Jika menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri dalam kabinetnya seperti itu, bagaimana pula dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri? Tidak mungkin Mahathir juga seperti menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri-menterinya itu?

Namun, idea yang dikemukakan oleh Mahathir berhubung dengan pertanian, yang mencadangkan para penanam padi menanam padi atau mengusahakan tanaman mereka pada waktu malam bagaimanapun penuh dengan tanda tanya.

Dalam kenyataan terbarunya, Mahathir berkata, sekarang kita boleh tanam padi waktu malam. Kerajaan fikir kalau kita fikir pada siang hari panas terik dan tidak selesa bekerja, kerajaan PH sedang fikir sama ada kita boleh alih masa kerja pada siang hari kepada malam hari, disebabkan siang panas tapi dilakukan kerja malam hari.

Menurutnya, cadangan itu akan mengurangkan tekanan berbanding bekerja di siang hari. Memang gelap pada masa malam, tetapi sekarang kita lihat orang kaya main golf malam, pasang lampu cerah-cerah. Jadi tanam padi malam. Pasang lampu, tidak ada panas terik.

Berucap pada majlis makan malam tautan muhibbah parti Bersatu bahagian Segambut, Kuala Lumpur, 2 Mei lalu, beliau berkata, kita tahu di sesetengah negara apabila datang bulan puasa, mereka siang tidur, malam kerja. Jadi kerja sebelah malam ini bukan satu luar biasa untuk kita. Supaya kita selesa.

"Sekarang ni lampu boleh pakai LED, tidak makan elektrik banyak. Amatlah hina kalau kita dapat duit tanpa kerja. Sebaliknya, kalau kita kerja dan dapat upah, adalah mulia dan halal. Kalau cuma terima duit percuma mungkin dari punca yang tak baik," katanya seperti yang dilaporkan media tempatan.

Sebaik sahaja membaca kenyataan tersebut, banyak pihak mulai hairan dan tertanya-tanya, kenapa Mahathir sendiri juga sudah berfikirkan seperti itu sekarang? Apakah kerana sudah terpengaruh dengan para menteri dan timbalan-timbalan menteri dalam kabinetnya sendiri yang bebal dan tidak berpengalaman, sehingga menyebabkan beliau juga sampaikan tergamak ber-

C Dalam kenyataan terbarunya, Mahathir berkata, sekarang kita boleh tanam padi waktu malam. Kerajaan fikir kalau kita fikir pada siang hari panas terik dan tidak selesa bekerja, kerajaan PH sedang fikir sama ada kita boleh alih masa kerja pada siang hari kepada malam hari, disebabkan siang panas tapi dilakukan kerja malam hari.



Walaupun negara mempunyai tanah yang luas dan subur untuk pertanian, tetapi pertanian bukan bidang utama bagi ekonomi negara di bawah Mahathir.

cakap dan mengeluarkan cadangan yang tidak masuk akal seperti itu?

Meskipun ada pihak yang mengatakan Perdana Menteri yang terkenal dengan sikap sinisnya itu berkata demikian kerana dipercayai menyindir sikap sesetengah rakyat Malaysia yang memilih-milih pekerjaan, sehinggalah ada yang tidak sanggup berpanas di bawah terik matahari dan negara terpaksa bergantung kepada pekerja asing yang datang bekerja di negara ini yang kini telah mencecah 7 juta orang, tetapi sejauh manakah benar-benar dakwaan itu?

Wajarkah Perdana Menteri sendiri hanya sekadar tahu menyindir rakyat supaya rakyat bekerja keras untuk diri sendiri tanpa mengharapkan wang secara percuma daripada kerajaan, sedangkan ruang dan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tidak disediakan oleh kerajaan, meskipun janjinya semasa pilihanraya cukup hebat.

Malah mereka yang sudah memiliki pekerjaan juga hilang pekerjaan sama ada dengan kerajaan atau swasta. Bagi sektor awam, ia berlaku akibat tindakan kerajaan sendiri untuk mengecikkan jumlah kakitangannya, walaupun sepatutnya ditambah lagi jumlah kakitangannya seperti kerajaan sebelum ini.

Kepada pihak swasta pula, tindakan-tindakan kerajaan PH ternyata tidak banyak membantu pihak swasta untuk turut meran-

gkan ekonomi negara, sehingga banyak pekerja terpaksa diberhentikan dan hilang pekerjaan, kilang-kilang ditutup, pejabat-pejabat asing menanggalkan negara.

Sejak kerajaan sendiri

7 juta pekerja

asing yang berada di dalam negara ini pula, dan setiap tahun mereka membawa keluar wang pendapatan sebanyak RM60 bilion balik ke negara asal mereka seperti yang dikatakan oleh Mahathir itu, ternyata bukan salah rakyat.

Sebaliknya, termasuk tenaga asing ke negara ini ternyata cukup menyusahkan rakyat kerana peluang kerja penduduk tempatan telah dirampas oleh pekerja asing. Namun, siapakah yang bertanggungjawab membawa masuk pekerja-pekerja asing ke negara ini sehingga sedemikian banyak dan menyebabkan rakyat tempatan sendiri hilang peluang pekerjaannya?

Tidak lain dan tidak bukan, pemimpin kerajaan sendiri yang bertanggungjawab dalam hal itu, sehingga menyebabkan pekerja tempatan semakin hilang peluang pekerjaan. Ia juga sudah berlaku sejak Mahathir menjadi Perdana Menteri ke-4 lagi, bukan baru

gekarang setelah beliau kembali menjadi Perdana Menteri Ke-7.

Akibat permatan licik pemimpin-pemimpin kerajaan terlibat, para pekerja asing diberikan tempat yang cukup istimewa di negara ini dengan gaji yang cukup lumayan berbanding pekerja-pekerja tempatan, di samping sikap majikan-majikan yang lebih mengutamakan pekerja asing, sehingga menyebabkan pekerja-pekerja tempatan hanya berputih mata.

Segala yang berlaku bukan kerana rakyat malas sehingga sejalayaknya disindir seperti itu oleh Perdana Menteri, tetapi kerana sikap dan tindakan para pemimpin kerajaan sendiri. Perdana Menteri terlebih dahulu sebelum menyindir rakyat dengan sindiran tersebut, jika benar ia bermaksud menyindir.

Bantuan kerajaan untuk pertanian?

Demikian juga halnya dengan aktiviti pertanian. Kenapa Perdana Menteri memberikan cadangan seperti itu? Meskipun ada yang mengatakan Perdana Menteri menyindir para petani, sejauh manakah benar-benar dakwaan itu? Jika menyindir, kenapa menyindir? Apakah kerana para penanam padi pemalas?

Tentunya amat tidak tepat jika dikatakan para petani khususnya para penanam padi pemalas dan enggan bekerja di bawah terik matahari. Mereka sudah lama menjadi petani dan bekerja di bawah terik matahari.

Namun, apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan PH untuk memajukan bidang pertanian khususnya penanaman padi di negara ini. Kerajaan PH sendiri pun tidak meletakkan target sara diri sehingga di peringkat 100 peratus dalam hal ini.

Walaupun negara mempunyai tanah yang luas dan subur untuk pertanian, tetapi pertanian bukan bidang utama bagi ekonomi negara di bawah Mahathir. Sebaliknya, beliau lebih cenderung kepada perindustrian.

Keadaan ini menjadikan bidang pertanian bagaikan hidup segan mati tak mahu sahaja sejak Mahathir menjadi Perdana Menteri ke-4 dulu lagi. Akibatnya, kerajaan sendiri tidak banyak memberikan sumbangan dan bantuan kepada para petani untuk mem-

peringkatkan produktiviti mereka bagi membolehkan bidang pertanian di negara ini maju lebih jauh seperti negara-negara lain, termasuk Thailand, apatah lagi Belanda.

Kini di bawah PH, kehidupan para petani, penanaman-penanaman padi, para nelayan, peneroka-peneroka FELDA, para penoreh getah, golongan susah dan mereka yang berada dalam kumpulan B40 di negara ini semakin tidak terbelah. Banyak bantuan kepada golongan mskln telah dihilangkan oleh kerajaan PH.

Tiba-tiba Mahathir boleh pula bercakap seperti itu. Setelah rakyat hidup susah dan tidak terbelah, telah bertungkus lumus siang malam, tidak diberikan bantuan yang sepatutnya oleh kerajaan untuk memajukan penusahaan masing-masing, Perdana Menteri menyuruh rakyat terus bekerja lagi walaupun pada waktu malam selama 24 jam tanpa rehat.

Jika tidur dan tidak bekerja pada waktu malam, walaupun waktu malam sememangnya waktu untuk berehat setelah kepenatan seharian bekerja pada waktu siang, Melayu akan dikatakan pemalas. Adakah wajar Perdana Menteri berpandangan sedemikian? Tidakkah cadangannya itu membunuh rakyat namanya?

Seandainya Mahathir sendiri yang dijadikan sasaran oleh, sanggupkah beliau melakukannya? Jika dilakukannya, diyakini beliau akan antara petani paling awal menemui ajal di tengah bendang nanti.

Amatlah mengecawakan jika seorang Perdana Menteri yang sudah cukup berpengalaman seperti Mahathir juga sanggup bercakap dan memberikan cadangan yang tidak masuk akal kepada rakyat.

Justeru, pandangan tersebut dibimbangi bukan kerana ketidaktangannya, tetapi disebabkan terlalu lanjut usia, tetapi masih bemaafu besar untuk terus menjadi Perdana Menteri lagi, sehingga menjadikan apa yang dicakapkannya itu tidak diketahui oleh beliau sendiri.

Benarlah kata sesetengah pihak, dalam usia seperti ini sekarang, bukan masanya untuk Mahathir menjadi pemimpin atau Perdana Menteri lagi. Usia beliau sekarang adalah usia bonus yang diberikan oleh Allah kepadanya untuk beliau bertaubat dan melakukan amalan-amalan salih untuk bekalan di akhirat. Jika masih ingin menjadi Perdana Menteri lagi, beginilah padahnya. Rakyat yang sudah susah pula menjadi bertambah susah dan pening disebabkan karenanya.



Dr Mahathir Mohamad